

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1997/98

September 1997

HMT 221 Fonetik Dan Fonologi Bahasa Malaysia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI **LIMA [5] SOALAN DI DALAM **TIGA [3] HALAMAN.****

Jawab **SEMUA** soalan.

1. (a) Lukis gambar rajah berlabel untuk menghasilkan

- (i) bunyi awal di dalam perkataan ‘permohonan’
- (ii) bunyi terakhir di dalam perkataan ‘bertembung’
- (iii) konsonan afrikat tak bersuara
- (iv) konsonan frikatif velar bersuara

[12 markah]

(b) Bincangkan **DUA [2]** daripada hal berikut dengan menggunakan contoh-contoh daripada bahasa Melayu.

- (i) konsonan
- (ii) fonem dan alofon
- (iii) pasangan minimal dan saling melengkapi

[8 markah]

.../2

2. (a) Transkripsikan ayat berikut ke dalam bentuk fonetik berdasarkan sebutan bahasa Malaysia baku.

- (b) Tuliskan rumus-rumus yang boleh menerbitkan bentuk-bentuk fonetik itu.

Ghazal merupakan antara irama muzik tradisional yang semakin terpinggir dalam kerancakan muzik-muzik moden yang kini mulai mempengaruhi jiwa golongan remaja di negara ini.

[20 markah]

3. (a) Jawatankuasa Sebutan Baku (1988) menyatakan bahawa sebutan kata hendaklah berdasarkan ejaan. Dengan kata lain, sesuatu perkataan itu dilafazkan menurut nilai huruf di dalam bahasa Malaysia. Bincangkan ketepatan pernyataan tersebut.

[10 markah]

- (b) Bincangkan padanan vokal dan diftong bahasa Malaysia dengan huruf-huruf jawi.

[10 markah]

4. (a) Tulis hal berikut dalam bentuk A → B/C - D

(i) Konsonan letupan tidak bersuara dijadikan tak lepas di akhir kata dan akhir suku kata.

(ii) Vokal dinasal jika ia mengikuti satu konsonan nasal dan konsonan geluncuran.

(iii) Frikatif glotal tak bersuara digugurkan di awal kata.

(iv) Disisipkan konsonan geluncuran di antara dua vokal.

[4 markah]

- (b) Jelaskan EMPAT [4] daripada hal berikut. Sertakan contoh-contoh yang sesuai.

(i) metatesis

(ii) sinkope

(iii) protesis

(iv) asimilasi fusional

(v) disimilasi

(vi) penduaan konsonan

[16 markah]

5. Teliti data di bawah ini dan jawab soalan (a) dan (b)

<u>Dialek Melayu Sarawak</u>	<u>Bahasa Malaysia Baku</u>
[isap']	/ hisap /
[aja?]	/ saja /
[sunjē]	/ sunjāl /
[keyin]	/ kerip /
[kunin]	/ kuniq /
[lupa?]	/ lupa /
[mandi?]	/ mandi /
[tay it']	/ tarik /
[uyan]	/ orang /

(James T. Collins: 1988)

- (a) Tulis rumus-rumus dengan menggunakan notasi fitur distingtif yang boleh menerangkan data di atas.
- (b) Nyatakan proses-proses fonologi yang terdapat di dalam data di atas dan berikan contoh bagi setiap satu proses.

[20 markah]